



جاپتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Ayah saya telah meninggal dunia... beliau telah berhutang RM 200. Dengan si A...si A ni telah berpindah dan saya tidak tahu... dia berpindah ke mana..bagaimana cara untuk saya membayar hutang tersebut...

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Islam mengharuskan seseorang itu berhutang untuk memenuhi keperluan hidup khususnya dalam perkara-perkara dharuriyyat (tersangat penting). Hutang tersebut pula adalah wajib dibayar oleh si penghutang.

Berdasarkan kepada persoalan yang diajukan, pihak kami berpandangan bahawa terdapat dua cara untuk membayar hutang tersebut iaitu ;

1. Tuan/ puan perlu berusaha mencari si A ataupun mendapatkan warisnya jika si A masih hidup

2. Sekiranya si A ini telah meninggal dunia maka digalakkan untuk tuan/puan mendedekahkan nilai RM 200.00 tersebut (nilai hutang) kepada masjid, wakaf dan sebagainya.

Adalah dinasihatkan kepada anak tadi agar sentiasa memperbanyakkan doa supaya si A dapat menghalalkan hutang tersebut dan diampunkan dosa bapa tuan/puan. Kerana dalam sebuah hadis riwayat Imam at-Tirmidzi disebut

“bahawa apabila manusia meninggal dunia, dia bebas untuk masuk syurga selagi mana tiada tiga perkara yang mengikatnya iaitu bongkak, hutang dan mencuri harta awam.”

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

"Jiwa seorang Mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga dilunaskan hutang baginya."
(Riwayat at-Tirmidzi)

Rujukan :

- 1) Hadis Imam Tirmidzi.
- 2) Tafsir Al-Quran.